

NO SOALAN :435

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
(MARANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah alasan Kerajaan tidak memberikan peluang yang sewajarnya kepada rakyat Malaysia khususnya kontraktor-kontraktor tempatan untuk membangunkan Bandar Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pembangunan Bandar Malaysia sedang di peringkat Permintaan Cadangan *Request For Proposal* (RFP), (dengan izin). RFP yang dikeluarkan pada 23 Jun 2017 menetapkan kriteria-kriteria pembidaan RFP seperti berikut:

- i. pembida perlu dari kalangan syarikat "Fortune 500";
- ii. pembida adalah syarikat bersekutu yang telah menjana perolehan yang tidak kurang RM50 bilion secara kumulatif bagi tempoh tiga tahun berturut-turut dari sumber hartanah dan perniagaan berkaitan; dan
- iii. berpengalaman dalam pembangunan hartanah bertaraf global.

Tuan Yang Dipertua,

Usaha pembangunan Bandar Malaysia turut melibatkan projek perpindahan Pangkalan Udara Kuala Lumpur ke lapan (8) fasiliti baru yang dibangunkan oleh Bandar Malaysia Sdn Bhd. Setakat ini, lebih daripada 50 kontraktor dan perunding Bumiputera terlibat di dalam projek pembangunan fasiliti-fasiliti baru ini yang bernilai RM2.7 bilion.